



SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2024

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

KENAIKAN KADAR KELAYAKAN DAN PINDAAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penetapan kenaikan kadar kelayakan dan pindaan syarat Skim Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Skim Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar di UMPSA memberi kemudahan pembiayaan maksimum sebanyak RM5,000.00 dengan terma dan syarat pembiayaan adalah seperti Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2020: Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar;

- 2.2 Peminjam hanya dibenarkan memohon pembiayaan terhad kelayakan 60% potongan gaji sahaja;
- 2.3 Peminjam layak memohon pembiayaan setiap tiga(3) tahun dengan syarat baki pembiayaan terdahulu telah diselesaikan;
- 2.4 Seorang penjamin ditetapkan bagi setiap permohonan pembiayaan; dan
- 2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-60 Bil. 4 Tahun 2024, bersetuju menaikkan kadar kelayakan dan meminda syarat pembiayaan bagi memberi peluang kepada staf untuk membeli komputer dengan spesifikasi yang lebih tinggi bersesuaian dengan keperluan semasa termasuk keperluan komputer dan telefon pintar kepada keluarga;

3.0 KENAIKAN KADAR KELAYAKAN DAN PINDAAN SYARAT PEMBIAYAAN

- 3.1 Kadar kelayakan pembiayaan maksimum dinaikkan sehingga RM20,000.00;
- 3.2 Pemohon masih tertakluk had 60% potongan gaji;
- 3.3 Pemohon hendaklah mengambil perlindungan takaful bertempoh secara berkumpulan yang ditetapkan bagi staf yang tidak mempunyai ganjaran cuti rehat terkumpul yang setara;
- 3.4 Staf boleh memohon lebih satu(1) pembiayaan pada bila-bila masa. Staf boleh memohon dua pembiayaan serentak atau berturutan pada satu-satu masa terhad kepada had pembiayaan maksimum RM20,000.00;
- 3.5 Bagi kes pembiayaan yang telah mencapai had maksimum RM20,000.00, syarat permohonan seterusnya boleh diluluskan selepas dua tahun dengan syarat baki pembiayaan yang terdahulu telah diselesaikan;
- 3.6 Syarat penjamin dibatalkan sepenuhnya;

- 3.7 Syarat-syarat pembiayaan lain adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2020 termasuk Pekeliling Perbendaharaan yang diterima pakai dari semasa ke semasa;
- 3.8 Skim Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar ini tertakluk kepada kedudukan Dana Pembiayaan Universiti; dan
- 3.9 Staf digalakkan menghubungi Unit Gaji Dan Kemudahan Staf seperti berikut:
Unit Gaji Dan Kemudahan Staf
Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan
Jabatan Bendahari
No Tel: 09-431 6080/6092/6112
Email : wages@umpsa.edu.my.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 27 Disember 2024.

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang